

KELESTARIAN PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN HIDUP KOMUNITI PESISIR PANTAI: KAJIAN KES DI SENOK, KELANTAN

A SUSTAINABLE DEVELOPMENT AND COASTAL COMMUNITY WELLBEING: CASE STUDY IN SENOK, KELANTAN

NOR HAYATI SA'AT^{1,2}, ABDUL RAHMAN ABDUL LATIP^{1*}, NORFATIHA OTHMAN¹, NOR
HAFZAN ABD RASID³ DAN NAZLI AZIZ^{1,3}

¹Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu. ²Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari, Universiti Malaysia Terengganu. ³Pusat Tadbir Urus Lautan, Institut Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu

*Corresponding author: rahmanlatip@umt.edu.my

Submitted final draft: 22 December 2021

Accepted: 26 February 2022

<http://doi.org/10.46754/jbsd.2022.03.003>

Abstrak: Pelbagai program pembangunan telah dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti hidup di Malaysia. Walau bagaimanapun, setiap program pembangunan perlu mengambil kira keseimbangan pembangunan sosial dan ekonomi supaya dapat memberi impak yang positif kepada komuniti secara lestari. Di Kelantan khususnya, komuniti nelayan pesisiran Bachok, mencapai kesejahteraan hidup melalui pergantungan kepada modal manusia dan modal sosial berasaskan keusahawanan. Kajian ini bertujuan meneliti tahap perubahan sosioekonomi dan kualiti hidup komuniti pesisir pantai di Bachok dalam aspek kelestarian pembangunan dan kesejahteraan hidup. Kajian yang dilaksanakan di Senok, Bachok pada tahun 2018 ini melibatkan komuniti pesisir pantai di tiga buah kampung iaitu Kampung Pantai Senok, Kampung Senok dan Kampung Cherang Laut. Komuniti Senok dipilih kerana mereka boleh dikategorikan sebagai komuniti terpinggir di pesisir pantai dengan kemudahan asas seperti bekalan air bersih yang terhad. Kajian menggunakan kaedah temu bual berasaskan borang soal selidik ke atas 200 orang responden. Hasil kajian mendapati tahap kesejahteraan hidup mencatatkan nilai purata yang tinggi iaitu 2.82. Umumnya, pembangunan kelestarian dan kesejahteraan hidup komuniti Pantai Senok bergantung kepada perancangan pembangunan secara bersepadu dalam aspek pendidikan, keusahawanan sosial dan ekonomi setempat.

Kata kunci: Pembangunan, sosioekonomi, kesejahteraan hidup, pembangunan lestari, komuniti pesisir pantai

Abstract: Many development programmes have been implemented to improve the quality of life in Malaysia. However, every development programmes must consider the balance between social and economics to produce positive impacts to the community sustainably. This study aims to examine the level of socioeconomic changes and quality of life of coastal communities in Bachok in terms of sustainability development and well-being. In Kelantan, particularly in the Bachok coastal fishing community achieves well-being through reliance on human capital and entrepreneurial-based social capital. This study aims to examine the level of socioeconomic change and quality of life of coastal communities in Bachok in 2018 in terms of development sustainability and well-being. This study focuses in Senok, Bachok, involving the coastal community in three villages namely Kampung Pantai Senok, Kampung Senok and Kampung Cherang Laut. The results of the study found that the level of well-being recorded a high average value of 2.82. In general, the development of sustainability and well-being of the Pantai Senok community depends on integrated development planning in the aspects of education, social entrepreneurship and the local economy.

Keywords: Development, socioeconomics, life well-being, sustainable development, coastal community.

Pengenalan

Peranan kerajaan penting dalam membantu meningkatkan tahap pembangunan dan kualiti kesejahteraan hidup masyarakat sama ada masyarakat bandar atau luar bandar. Konsep pembangunan juga berkait rapat dengan pembangunan manusia iaitu suatu perubahan yang terhasil daripada insan untuk memperoleh sesuatu matlamat berasaskan hala tuju teori pembuat dasar dan program tertentu. Konsep pembangunan ini menitikberatkan perubahan sosioekonomi dan prasyarat untuk maju diletakkan pada usaha manusia itu sendiri. Matlamat sebenar sesebuah pembangunan tidak terbatas kepada pencapaian ekonomi semata-mata tetapi usaha ke arah mengembangkan pilihan manusia merangkumi keupayaan melengkapi kepentingan seseorang individu, khususnya pemerikasaan rakyat yang lemah, kelestarian, kecekapan dan keadilan (Haq, 1995).

Wawasan Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) yang bermatlamatkan “Luar Bandar yang sejahtera, inklusif, mampan/lestari dan holistik” menjelang tahun 2030 merupakan agenda utama kerajaan dalam membangunkan kawasan luar bandar Malaysia. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk membentuk masyarakat luar bandar yang sejahtera, akses kepada infrastruktur dan kemudahan sosial harus diberi keutamaan. Melalui inisiatif ini, pelbagai peluang pekerjaan dan perniagaan dapat dinikmati oleh penduduk di kawasan luar bandar yang terlibat. Secara tidak langsung, perkara ini akan meningkatkan pendapatan dan sekali gus memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk membina keupayaan modal insan selain mengecapi kehidupan yang lebih sihat dan selamat serta menerima kemudahan perkhidmatan yang lebih berkualiti sepertimana yang dirasakan oleh masyarakat bandar (Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2019).

Walau bagaimanapun, setiap program pembangunan perlu mengambil kira keseimbangan pembangunan sosial dan ekonomi supaya dapat memberi impak yang positif kepada komuniti secara lestari. Dalam

usaha untuk menambah baik taraf sosioekonomi rakyat, pelbagai inisiatif meliputi keperluan pembangunan telah dirangka oleh pihak kerajaan. Pelaksanaan program-program pembangunan di bandar dan luar bandar berjaya menyempurnakan hasrat pemimpin dan sebahagian besar penduduk di negara ini untuk mendapat keperluan asas yang ternyata telah meningkatkan kualiti hidup mereka. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebahagian kecil komuniti yang tersisih dari arus pembangunan dan peluang-peluang ekonomi sepertimana yang dinikmati masyarakat hari ini. Mereka ini menurut para penyelidik dinamakan sebagai ‘komuniti terpinggir’ (Abdul Rahman, 2007; Nor Hayati, 2014).

Isu keterpinggiran komuniti yang ‘terpisah’ dari arus kemudahan asas relevan untuk diselidiki secara mendalam seperti komuniti pesisir pantai di Kampung Pantai Senok, Kelantan. Antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya situasi ini ialah keterpisahan geografi kerana penempatan komuniti dipisahkan oleh sungai dan berkedudukan jauh dari pusat bandar berhampiran. Hal ini menimbulkan kesukaran dari segi perhubungan. Saiz komuniti terbabit juga kecil dan tiada program-program pembangunan sosioekonomi yang efektif dapat dijalankan. Selain itu, taraf pendidikan dan kesedaran dalam kalangan masyarakat yang rendah serta ketiadaan pemimpin komuniti yang berpandangan jauh dan mempunyai daya usaha yang bersungguh-sungguh bagi mengubah kehidupan masyarakat setempat menjadikan komuniti ini terus terpinggir.

Peranan komuniti pesisir pantai luar bandar dalam konteks pembangunan negara sering kali dianggap kurang penting memandangkan sumbangannya terhadap ekonomi negara tidaklah besar. Implikasi daripada situasi ini telah membawa kepada ketidakprihatinan pihak-pihak tertentu dalam menangani permasalahan yang sedia ada, justeru masalah ketaksamaan dan ketidakadilan sosial serta ekonomi masih belum selesai meskipun negara sedang meluncur maju di landasan wawasan pembangunan yang baharu.

Jika dilihat dari segi pembangunan fizikal yang lain, didapati kemudahan-kemudahan awam yang terdapat di Kampung Pantai Senok secara perbandingan adalah pada tahap yang rendah dari segi kualiti dan kuantitinya berbanding nisbah dan keperluan penduduk. Hal ini berlaku kerana faktor “kos dan faedah” menjadi perkiraan utama dalam usaha memperluaskan kemudahan-kemudahan tersebut agar setanding dengan kawasan-kawasan di bandar atau pinggir bandar. Di Amerika Syarikat misalnya, pembangunan di pesisir pantai terutama di kawasan pedalaman kurang diberi perhatian berbanding pesisir pantai di kawasan bandar berikutan nilai hartanah yang lebih tinggi dan mempunyai kepadatan penduduk yang lebih ramai (Jurjonas & Seekamp, 2018).

Walaupun terdapat banyak kajian berkaitan dengan perubahan sosioekonomi dan kualiti hidup komuniti, kajian yang memfokuskan kepada komuniti pesisir pantai di Bachok, khususnya Pantai Senok masih kurang. Tambahan pula, Pantai Senok dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini menjadi kawasan tumpuan pelancong. Statistik pada tahun 2020 menunjukkan 4.3 juta pelancong tempatan dan antarabangsa masuk ke Kelantan termasuklah Pantai Senok (Media Permata, 2020). Menurut Unhasuta, Sasaki dan Kim (2021) pembangunan di komuniti pesisir dapat menyumbang kepada penghidupan masyarakat. Pembangunan tersebut perlu mengambil kira perlindungan budaya lokal komuniti dan meningkatkan kesan positif terhadap ekonomi dan integriti sosial oleh pemerintah dan sektor yang terlibat. Kajian oleh Yusoff, Talib dan Yusof (2017) menunjukkan komuniti pesisir pantai berhadapan dengan pelbagai ancaman akibat pembangunan tidak terancang yang menjejaskan kualiti hidup mereka. Kekurangan kemudahan asas seperti infrastruktur jalan raya dan bekalan air bersih menjadi penghalang utama pembangunan sosioekonomi masyarakat pesisir pantai Kedah. Oleh itu, kajian ini meneliti persoalan pembangunan lestari dan kesejahteraan hidup komuniti di pesisir pantai di Bachok, Kelantan dengan mengkaji tahap perubahan sosioekonomi

dan kualiti hidup mereka. Komuniti Kampung Pantai Senok, Daerah Tawang, Jajahan Bachok dikategorikan sebagai komuniti pesisir pantai luar bandar di kawasan muara yang kurang membangun dan ketinggalan daripada pembangunan arus perdana.

Pembangunan Komuniti dan Komuniti Pesisir Pantai

Zon pinggir pantai Malaysia didefinisikan sebagai garis pesisir yang merupakan titik pertemuan antara daratan dengan air laut atau satu jaluran tanah dari garis pinggir pantai sehingga 5 km ke daratan. Jika terdapat paya nipah atau paya bakau di zon pinggir pantai itu, zon itu meliputi sejauh 5 km dari kawasan sempadan daratan paya tersebut manakala bagi kes paya gambut, zon pinggir pantai diambil kira bermula dari garis pesisir sehingga menjangkau had paling ke daratan paya itu yang mungkin melebihi 5km kelebarannya. Ke arah laut, had zon pinggir pantai merangkumi 200 batu nautika dari garis pesisir pantai dan termasuk dalam Zon Ekonomi Eksklusif (Malaysia, 2006). Menurut definisi tersebut, zon pinggir pantai boleh didapati di semua negeri termasuk pulau-pulau yang termaktub di bawah bidang kuasa Zon Ekonomi Eksklusif, kecuali di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Zon pinggir pantai meliputi kira-kira 13.3% daripada keluasan Malaysia atau bersamaan 4,316,292 hektar (Malaysia, 2006).

Ringkasnya, komuniti ialah suatu himpunan manusia yang terikat dalam suatu kawasan tertentu, oleh ciri-ciri yang dikongsi bersama, oleh nilai dan norma serta oleh identiti sepunya dan imaginasi bersama dalam batas tertentu. Komuniti ini juga mempunyai kehomogenan serta interaksi bersemuka dalam darjah tertentu (De Koninck, 1992). Golongan nelayan adalah salah satu komuniti yang termasuk dalam komuniti pesisir pantai.

Menurut Firth yang merupakan antara pelopor utama kajian berkaitan komuniti pesisir pantai, khususnya di Kelantan pada tahun 1940-an, struktur dan nilai komuniti memainkan peranan yang penting dalam

membangunkan komuniti terbabit. Produktiviti rendah menyukarkan nelayan untuk menambah baik pendapatan dan taraf kehidupan mereka (Firth, 1945). Kajian susulan yang dilakukan 20 tahun kemudian mendapati taraf hidup komuniti pesisir pantai masih rendah walaupun terdapat kemajuan dari aspek teknologi dan kemudahan modal. Telah wujud satu kekuatan gerak kuasa ekonomi untuk membentuk masyarakat yang baharu tetapi dihalang oleh para pengusaha kapitalis (Firth, 1990). Komuniti pesisir pantai dilihat masih berpegang teguh dengan tradisi tempatan. Terdapat satu ikatan persanakan yang luas dalam kalangan mereka selain wujudnya perbezaan dari aspek kekayaan dan pelajaran tetapi masih mengekalkan budaya hidup seragam. Pekerjaan utama (lebih kurang 75%) sebagai nelayan masih mendominasi komuniti ini.

Pada tahun 1980-an, perusahaan menangkap ikan masih lagi menjadi pekerjaan utama komuniti pesisir pantai, namun begitu terdapat penurunan peratusan kepada 57%. Berlaku perubahan sosial yang dialami oleh komuniti ini apabila penduduk mula mengusahakan penanaman tembakau yang dianggap dapat memberi pulangan yang lebih lumayan. Bagi yang mempunyai pencapaian pendidikan yang lebih tinggi, mereka diterima masuk ke perkhidmatan awam dan sesetengah yang lainnya juga berhijrah ke bandar (Ishak, 1990).

Pembangunan komuniti pesisir pantai pada tahun 2000-an mendapati bahawa pola pemikiran komuniti ini yang tidak berpandangan jauh menjadi faktor utama mereka kekal dalam lingkaran kemiskinan. Penyelidikan tentang komuniti pulau dan pesisir pantai di Kuala Besut yang dijalankan pada tahun 2007 mendapati pola pemikiran komuniti ini hanya berkisar dengan aktiviti harian, iaitu mereka hanya berfikir bagaimana untuk mendapatkan pendapatan harian bagi menampung perbelanjaan keluarga (Ibrahim & Nor Hayati, 2007). Komuniti ini dilihat mempunyai sikap yang boros apabila berbelanja dan tidak mempunyai simpanan masa hadapan. Nilai dan pandangan komuniti juga dilihat agak negatif berkaitan menjadikan

nelayan sebagai pekerjaan utama. Majoriti dalam kalangan ketua keluarga berpandangan anak-anak mereka tidak lagi sesuai bekerja sebagai nelayan dan generasi muda di sana juga lebih cenderung untuk mencari pekerjaan lain (Ibrahim & Nor Hayati, 2007: 13-17; Nor Hayati *et al.*, 2017).

Sementara itu, kajian oleh Nor Hayati (2011; 2014; 2017) mengenai mobiliti dan sosiobudaya komuniti pesisir pantai di Kuala Terengganu mendapati corak kehidupan nelayan yang majoritinya mendiami komuniti ini masih tidak dapat mencapai peningkatan kemajuan yang ketara. Ini bermaksud, perubahan dan kemajuan yang dialami oleh mereka masih pada skala yang kecil. Corak kehidupan mereka masih pada takuk yang lama dan serba kekurangan. Walaupun mereka berupaya memenuhi pelbagai asas keperluan hidup tetapi masih belum mencapai satu tahap yang selesai. Salah satu faktor yang menyumbang kepada corak budaya kehidupan yang mundur ini adalah kekurangan 'daya ekonomi' di kawasan tersebut. Namun begitu, hasil kajian juga menunjukkan generasi kedua dengan tahap pendidikan yang lebih baik dan tinggi boleh membantu mereka untuk 'bergerak' atau mobiliti 'keluar dari lingkaran' walaupun masih ramai yang terbelenggu dengan kemiskinan.

Begitu juga kajian-kajian terkini oleh Nur Azura *et al.* (2019) dan Abdul Rahman *et al.* (2019) yang mendapati taraf hidup komuniti nelayan pesisir pantai di Kelantan dan Terengganu secara keseluruhannya masih berada pada tahap yang rendah. Antara faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini ialah kekurangan kemudahan prasarana yang baik oleh kerajaan dan sikap individu itu sendiri yang tidak mahu berubah. Kajian ini turut disokong oleh Roseliza *et al.* (2019) yang menyatakan bahawa konsep inovasi sosial perlu diterapkan dalam kalangan nelayan sebagai potensi untuk memajukan komuniti nelayan di pesisir pantai. Hasil kajian oleh Halina Sendera (2005) menunjukkan ekonomi dan modenisasi turut menyumbang dalam transformasi sosiobudaya masyarakat pesisir pantai.

Pembangunan dan Kelestarian Pembangunan

Persoalan mengenai pembangunan merupakan isu yang sering dibahaskan oleh ramai sarjana di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Misalnya, Abdul Rahman (2007: 11) merujuk kepada pandangan Stiglitz (2006), bahawa “strategi pembangunan yang berjaya memerlukan empat tonggak penting, iaitu, kuasa pasaran, pemerintah, individu dan komuniti. Anggota komuniti sering kali bekerjasama antara satu sama lain sama ada dengan bantuan pemerintah atau organisasi bukan-kerajaan (NGO), ataupun kedua-duanya bagi menjayakan pembangunan”. Menurut Ishak Shari (1999; 2002), terdapat tiga isu utama dalam konsep pembangunan; isu dalam perancangan dan pelaksanaan, isu mengkonsepkan dan menjana teori pembangunan dan isu memahami struktur dunia dalam era millennial yang bukan sahaja mengekalkan struktur ketidaksamaan malah menjadi bertambah buruk. Justeru, untuk membangunkan komuniti pesisir pantai perlu kepada satu transformasi kehidupan yang lebih baik agar seiring dengan konsep pembangunan lestari.

Pelbagai wacana telah dibahaskan oleh aliran pemikiran atau ahli teori kajian pembangunan menyatakan tentang proses transformasi yang dilalui oleh konsep pembangunan itu. Misalnya, pada akhir tahun 1950-an, bidang kajian pembangunan telah didominasi oleh aliran pemikiran teori pemodenan. Pada akhir tahun 1960-an, aliran pemikiran ini dicabar oleh teori kebergantungan yang radikal. Pada akhir tahun 1970-an, teori sistem-dunia telah meningkat kebangkitannya yang menawarkan perspektif alternatif untuk menilai isu pembangunan. Akhir tahun 1980-an telah memperlihatkan bahawa tiga aliran pemikiran teori ini telah bergerak ke arah pertemuan, dengan perhatian bukan sahaja diberi kepada pertumbuhan ekonomi, tapi juga kepada pembangunan sosial (So, 1990).

Dari segi konsep, pengertian pembangunan turut mengalami transformasi daripada hanya tertumpu kepada pertumbuhan ekonomi semata-mata kepada pertumbuhan ekonomi yang disertai dengan pengurangan

dalam pengangguran, kemiskinan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan (Seers 1972). Begitu juga pembangunan negara-negara sedang membangun seperti Malaysia, dari segi membasmi masalah kemiskinan dianggap sebagai satu cabaran sosial dan ekonomi yang paling penting dan mendesak yang dihadapi oleh manusia. Peningkatan tumpuan dan minat ini juga berlaku apabila disedari bahawa pembangunan dikaji bukan sahaja dari aspek ekonomi atau kebendaan, bahkan juga dari aspek-aspek lain seperti politik dan sosial (Rahimah, 2001).

Bemula era 1990-an, konsep pembangunan manusia merupakan agenda penting dalam proses pembangunan (Haq, 1995). Haq (1995) dan Ishak (1999), menyatakan bahawa pembangunan perlu merangkumi empat aspek penting yang saling melengkapi dan perlu dicapai. Pertama, kesaksamaan atau keadilan, dengan pembasmian kemiskinan dan pengurangan jurang perbezaan pendapatan. Kedua, kemapanan atau kelestarian, dengan menjamin pembangunan yang berterusan dan tidak mengancam kehidupan generasi akan datang. Ketiga, produktiviti, dengan memastikan pencapaian pertumbuhan ekonomi yang pesat, dan keempat, pemberdayaan (empowerment), dengan memperkasakan rakyat, khususnya kepada golongan miskin. Konsep ini menganggap bahawa pembangunan dan pertumbuhan ekonomi itu penting, tetapi ia hanya sebagai satu kaedah dan bukannya matlamat yang perlu untuk memajukan masyarakat.

Sementara, Ibrahim (2019) serta Zurina dan Hukil (2018) menulis peri pentingnya kelestarian pembangunan bagi menyejahterakan kehidupan manusia dengan asas pemikiran kepada pendekatan kelestarian atau holistik. Ibrahim (2019) menyatakan, ini disebabkan masyarakat dan kerajaan masih terperangkap dengan pendekatan sektoral atau penyelesaian dalam kotak. Kotak ekonomi terlalu besar berbanding kotak kesejahteraan masyarakat dan kesihatan alam sekitar. Banyak isu asas komuniti dan sekitarnya masih belum mampu

diatasi akibat ketaksuban melampau dalam kotak masing-masing.

Kelestarian pembangunan perlu merangkumi seperti kenyataan Joseph Stiglitz (1998) yang menulis bahawa “pembangunan itu menggambarkan satu transformasi masyarakat, perubahan daripada perhubungan tradisional, corak pemikiran tradisional, cara tradisional apabila berurusan dengan pendidikan dan kesihatan, dan kaedah pengeluaran yang tradisional kepada cara yang moden” (dlm. Harrison & Huntington, 2000).

Menurut Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM), kelestarian pembangunan dapat dinilai daripada tahap kesejahteraan rakyat Malaysia yang merangkumi aspek ekonomi dan sosial. Pendekatan holistik dalam pembangunan menjadi keutamaan ke arah mencapai sebuah negara berpendapatan tinggi yang inklusif dan mampan. Gabungan subkomposit kesejahteraan ekonomi dan sosial seperti alam sekitar, kesihatan, pendidikan serta pendapatan dan pengagihan merupakan antara komponen utama yang menyumbang kepada peningkatan indeks kesejahteraan hidup dalam kalangan rakyat Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Kesejahteraan hidup masyarakat akan selari dengan pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah komuniti. Menurut Laporan Sosioekonomi Negeri Kelantan pada tahun 2019, sektor pertanian mencatatkan lonjakan pertumbuhan kepada 6.5% pada tahun 2019 berbanding negatif 0.8% pada tahun 2018. Subsektornya terdiri daripada tanaman, ternakan, perhutanan, pembalakan serta perikanan. Kajian Nor Hanim *et al.* (2021) di Kelantan misalnya menunjukkan bahawa pembangunan sosioekonomi komuniti batik dan songket bergantung kepada keupayaan diri dan dorongan terhadap mereka untuk berubah menerusi perusahaan perniagaan. Kajian lain oleh Norfatiha *et al.* (2019) juga di Kelantan, mengenai kelompok juragan laut dalam yang mencapai kesejahteraan hidup melalui penglibatan dalam aktiviti perusahaan perikanan yang dikembangkan melalui intergenerasi. Hal ini menunjukkan pembangunan komuniti di

Pantai Senok juga boleh digambarkan melalui hasil kajian lepas.

Misalnya kajian Yusoff, Talib, dan Yusof (2017), pembangunan lestari masyarakat pesisir pantai di Kedah masih tidak dapat direalisasikan walaupun negara sedang menuju ke arah status negara maju. Taraf hidup yang masih rendah dan permasalahan di sekitar penempatan kediaman mereka secara tidak langsung memberi kesan negatif dalam status sosioekonomi mereka. Pembangunan di sekitar kawasan pesisir pantai juga masih tidak memuaskan dan menyukarkan masyarakat ini untuk bergerak ke hadapan.

Ibrahim *et al.* (2017) yang mengkaji kelestarian masyarakat pesisir pantai di Kuala Kedah dan Perlis mendapati kehidupan masyarakat masih terancam dan memerlukan perhatian daripada pihak berkaitan. Majoriti daripada masyarakat masih lagi dibelenggu dengan kemiskinan, aset kehidupan yang rendah dan hidup dalam serba kekurangan. Rata-rata penduduk yang bekerja sebagai nelayan masih tidak mampu untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup. Pembangunan lestari dilihat masih jauh untuk dinikmati oleh golongan ini.

Metodologi

Pendekatan kuantitatif digunakan menerusi kaedah temu bual berasaskan soal selidik. Data primer sebagai kaedah pengumpulan data utama melalui pendekatan kerja lapangan dengan pengedaran borang soal selidik kepada 200 orang isi rumah secara rawak yang dilaksanakan pada tahun 2018. Kajian ini menggunakan pensampelan berlapis, iaitu pensampelan berkuota rawak secara mudah berikutan jumlah populasi responden bagi kawasan terpilih tidak seragam. Jumlah populasi mukim Senok yang direkodkan oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok adalah sebanyak 7,680 orang bagi tahun 2018. Pemilihan sampel responden kemudiannya ditetapkan dengan kuota sebanyak 200 orang sahaja daripada jumlah keseluruhan 7,680 orang populasi yang ditemu bual bagi ketiga-tiga buah kampung yang terlibat.

Kajian ini melibatkan golongan ketua isi rumah yang berpendapatan rendah (B40) bagi tiga buah kampung terpilih yang terdapat di Mukim Senok iaitu Kampung Cherang Laut, Kampung Pantai Senok dan Kampung Senok. Kawasan kajian dipilih berdasarkan hasil tinjauan ke atas struktur pembangunan serta fasiliti yang masih kurang membangun serta prospek ekonomi yang terdapat di kawasan ini. Borang soal selidik kajian mengandungi tujuh bahagian, iaitu; Bahagian A: Profil demografi responden; Bahagian B: Profil ahli isi rumah; Bahagian C: Maklumat perbelanjaan, tabungan dan aset; Bahagian D: Analisis sumber bekalan air; Bahagian E: Transformasi komuniti; Bahagian F: Pembangunan pelancongan; dan Bahagian G: Indeks kesejahteraan hidup.

Selain itu, kajian ini turut mendapatkan data sekunder untuk pengenalpastian data komuniti pesisir pantai sebagai penentuan kumpulan sasar program dan senarai nama program yang berkenaan dengan agensi terbabit dengan tempoh masa yang telah ditetapkan, iaitu dari pihak berautoriti seperti Pejabat Daerah; Unit Perancang Ekonomi Negeri; Jabatan Perancangan Bandar dan Desa; Kementerian Luar Bandar; Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia; Jabatan Perikanan; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; dan lain-lain agensi kerajaan serta swasta yang berkaitan.

Analisis kajian ini dilakukan secara deskriptif bagi melihat latar belakang demografi seperti jantina, umur, lokasi kajian, status perkahwinan, jenis pekerjaan dan tingkat

pendapatan isi rumah, persepsi terhadap kelestarian pembangunan (pembangunan pendidikan, pembangunan keusahawanan sosial dan pembangunan ekonomi), serta tahap kualiti hidup komuniti di sini. Kemudian kesemua maklumat ini dianalisis menggunakan perisian 'Statistical Package for Social Sciences' (SPSS) melalui prosedur statistik deskriptif dan inferens.

Dapatan dan Perbincangan

Analisis dapatan kajian dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu, profil demografi; kelestarian pembangunan (yang merangkumi pembangunan pendidikan, pembangunan keusahawanan sosial dan pembangunan ekonomi) dan kesejahteraan hidup komuniti.

Profil Demografi

Berdasarkan analisis deskriptif ke atas 200 isi rumah yang ditemu bual, hasil kajian mendapati sebanyak 83.5% isi rumah ialah lelaki manakala baki 16.5% ialah wanita. Daripada jumlah ini sebanyak 82.0% isi rumah sudah berkahwin, 4.0% ialah bujang dan 13.5% lagi ialah balu/janda. Kebanyakan isi rumah yang ditemu bual terdiri daripada penduduk dari Kampung Pantai Senok iaitu sebanyak 76.0% (152 orang), manakala selebihnya dari Kampung Cherang Laut (18.5%) dan Kampung Senok (5.5%) (Jadual 1). Ketiga-tiga lokasi ini terletak berhampiran pesisir Pantai Senok atau lebih dikenali sebagai 'Pulau Nami' oleh komuniti setempat berikutan panorama pokok Rhu yang tersusun cantik seumpama di Korea.

Jadual 1: Profil demografi responden

Kategori	Bil. (N=200)	Peratusan (%)	Kategori	Bil. (N=200)	Peratusan (%)
<i>1. Jantina</i>			<i>4. Lokasi kajian</i>		
Lelaki	167	83.5	Kg. Cherang Laut	37	18.5
Perempuan	33	16.5	Kg. Pantai Senok	152	76.0
			Kg. Senok	11	5.5

<i>2. Taraf Perkahwinan</i>			<i>5. Tahap pendidikan</i>		
Bujang	8	4.0	Sekolah rendah (UPSR)	17	8.5
Berkahwin	164	82.0	SRP/PMR	63	31.5
Balu/Duda	28	13.5	SPM	45	22.5
<i>3. Umur</i>			STPM/DIPLOMA	60	30.0
15-39	37	18.5	Ijazah/Sarjana	10	5.0
40-49	48	24	Tidak bersekolah	1	.5
50-59	59	29.5	Lain-lain	4	2.0
60-69	41	20.5	<i>* Lain-lain: Sijil (3 orang), Tingkatan 2 (1 orang)</i>		
70 dan ke atas	15	7.5			

Tahap pendidikan isi rumah secara kumulatif masih berada pada tahap yang rendah. Majoriti isi rumah mendapat pendidikan di peringkat menengah (SPM) dan ke bawah (62.5%) dan baki 37.5% mendapat pendidikan di peringkat menengah dan ke atas (STPM dan ke atas). Tahap pendidikan Penilaian Menengah Rendah (PMR) mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 31.5%

diikuti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 22.5% dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) 30.0% (Jadual 1). Dapatan ini selari dengan kajian oleh Siti Masayu dan Narimah (2018) serta Nor Hayati (2011) yang turut mendapati tahap pendidikan dalam kalangan komuniti pesisir pantai adalah rendah berikutan faktor lokasi rumah serta tingkat pendapatan keluarga.

Jadual 2: Jenis pekerjaan dan tingkat pendapatan

Kategori	Bil. (N=200)	Peratusan (%)
<i>Jenis Pekerjaan</i>		
Nelayan	26	13
Pentadbiran	23	11.5
Peniaga	15	7.5
Bekerja sendiri	100	50
Buruh	36	18
Tidak Bekerja	26	13
<i>Tingkat Pendapatan</i>		
RM 500 ke bawah	43	21.5
RM 500 hingga RM 1000	97	48.5
RM 1000 hingga RM 2000	47	23.5
RM 2000 ke atas	13	6.5

Seterusnya, penemuan kajian menunjukkan bahawa pekerjaan isi rumah di pesisir Pantai Senok lebih tertumpu kepada sektor pekerjaan berkemahiran rendah dan tidak profesional iaitu sektor buruh dan pembinaan, sektor

pertanian serta sektor perkhidmatan. Jadual 2 menunjukkan majoriti isi rumah bekerja sendiri (petani, pekebun, pengembala kambing dan lembu, kerja kampung dan sebagainya) iaitu sebanyak 50%, manakala buruh (tukang rumah,

mekanik, pemandu lori, buruh kasar, pengawal keselamatan dan pembantu kedai) adalah sebanyak 36.7%. Selebihnya bekerja sebagai nelayan (13.0%), buruh (18.0%), dan tidak bekerja (13.0%). Hanya sebahagian sahaja isi rumah yang terlibat dalam kategori pekerjaan profesional, pentadbiran dan pengurusan, perkeranian serta pengeluaran seperti pekerja pentadbiran (11.5%) dan peniaga (7.5%). Hasil dapatan ini selari dengan kajian oleh Buarque *et al.* (2006) yang menyatakan bahawa faktor pendidikan yang rendah menjadi penyebab utama majoriti isi rumah di luar bandar tertumpu dalam sektor buruh dan pembinaan, sektor pertanian serta sektor perkhidmatan selain faktor umur (Hafeez & Ahmed, 2002), pemilikan tanah (Faridi & Basit, 2011) dan pasaran kerja (Faridi & Basit, 2011) di kawasan ini. Seiring dengan jenis pekerjaan mereka, tingkat pendapatan isi rumah juga mencatatkan jumlah pendapatan yang rendah. Majoriti isi rumah mempunyai pendapatan antara RM500.00 hingga RM1,000.00 sebulan (48.5%).

Kelestarian Pembangunan Pendidikan, Keusahawanan Sosial dan Ekonomi

Umumnya, aspek pendidikan dan memiliki kemahiran dilihat sebagai satu dimensi utama yang berupaya meletakkan mereka kepada kedudukan mobiliti menegak atau mobiliti sosial ke atas. Ia seiring dengan kata-kata Za'ba (1920-an) bahawa “kekurangan pelajaran yang betul adalah penyebab utama kemiskinan orang Melayu”. Justeru, kajian ini menunjukkan betapa pentingnya pendidikan khususnya pendidikan formal yang menjadi kunci utama membawa perubahan kepada keadaan yang lebih baik. Melalui pendidikan, mereka memperoleh pekerjaan yang lebih baik sekali gus memperoleh pendapatan yang lebih tinggi. Gabungan ketiga-tiga faktor tersebut iaitu pendidikan, pekerjaan

dan pendapatan, membolehkan mereka memiliki aset yang kukuh dan kadar simpanan yang juga terjamin.

Pembangunan pendidikan, keusahawanan sosial dan ekonomi dalam kalangan komuniti telah mencapai beberapa perubahan yang jelas. Program pendidikan masyarakat umpamanya telah bermula seawal tahun 1961 lagi dengan pengenalan kepada program “Pelajaran Dewasa Kebangsaan” (Wahab & Ah, 2017). Program ini bertujuan membasmi kadar buta huruf selain menyediakan latihan kemahiran, pengajian agama dan galakan membaca dalam kalangan komuniti luar bandar. Hasilnya kadar buta huruf dalam kalangan komuniti luar bandar berjaya dikurangkan. Pada tahun 1980 hingga 2009, kadar celik huruf di luar bandar telah mencatatkan angka peningkatan daripada 72% kepada 93.3% (2009). Kadar celik huruf Malaysia di luar bandar terus meningkat pada tahun 2020 iaitu sebanyak 94.5%, manakala di Kelantan meningkat sebanyak 94.6% pada tahun sama berbanding 92.5% pada tahun 2015 (Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2020). Peningkatan ini berikutan daripada kesedaran komuniti luar bandar dan umum kepada kepentingan pendidikan dalam memperbaiki taraf hidup dan pengetahuan pelajaran mereka (Balwi, 2005; Rashid, 2008 dan Wahab & Ah, 2017).

Selari dengan perbahasan di atas, hasil kajian ini turut menunjukkan hampir keseluruhan komuniti pesisir Pantai Senok bersetuju bahawa pendidikan itu sangat penting (min: 2.9 daripada jumlah min: 3.0) dalam membangunkan individu dan ahli-ahli dalam komuniti. Misalnya, majoriti (99%) mengakui “pendidikan adalah penting bagi kejayaan seseorang pada masa hadapan”; 98% juga mengakui “pendidikan memberikan peluang pekerjaan lebih baik” dan “pendidikan merupakan hak bagi setiap ahli komuniti” (Jadual 3).

Jadual 3: Pembangunan pendidikan

Item	Tidak Setuju	Sederhana	Setuju	Jumlah
• Pendidikan memberikan peluang pekerjaan lebih baik.	1 (0.5%)	5 (2.5%)	194 (97.0%)	200 (100%)
• Pendidikan memerlukan pelaburan tinggi.	1 (0.5%)	5 (2.5%)	194 (97.0%)	200 (100%)
• Pendidikan ialah hak bagi setiap ahli komuniti.	-	4 (2%)	196 (98.0%)	200 (100%)
• Pendapatan seseorang tiada kaitan dengan tingkat pendidikan.	29 (14.5%)	8 (4%)	163 (81.5%)	200 (100%)
• Pendidikan adalah kewajipan setiap ahli komuniti.	2 (1%)	3 (1.5%)	195 (97.5%)	200 (100%)
• Pendidikan adalah penting bagi kejayaan seseorang pada masa hadapan.	-	3 (1.5%)	197 (98.5%)	200 (100%)
Min	2.92			

Malah kajian oleh Nor Hayati (2011 & 2014) mendapati telah berlaku satu perubahan besar antara generasi dari aspek pendidikan dalam kalangan komuniti pesisir pantai. Tidak seperti generasi bapa dan datuk, mobiliti sosial dari aspek pencapaian pendidikan tinggi telah semakin bertambah baik dalam kalangan anak komuniti pesisir pantai kini (Nor Hayati, 2011; 2014). Pembangunan di Malaysia telah mengubah negara dari era pertanian ke industri yang memerlukan rakyatnya memiliki pendidikan dan kemahiran yang tinggi. Hanya dengan pemilikan ilmu dan minda sedemikian baru rakyatnya mampu berubah sama dengan transformasi dalam negara yang mendesak mereka bergerak ke arah etos komersial, pasaran dan penggunaan teknologi terkini.

Selain pendidikan, keusahawanan juga ialah aspek utama dalam isu pembangunan sesebuah komuniti. Pelbagai program keusahawanan telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan dalam usaha menyokong komuniti dalam memperbaiki taraf hidup mereka melalui pengenalan program perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pada tahun 1996 (SME Corp. Malaysia, 2019). Pengenalan kepada PKS bukan sahaja mencipta peluang pekerjaan kepada komuniti luar bandar (Abdul, Ismail, Mohamed & Mahajar, 2008) sebaliknya turut membantu pembangunan kawasan luar bandar (Balwi, 2005). Berdasarkan laporan

daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah sebanyak 3.10% kadar peningkatan pendapatan usahawan luar bandar telah berjaya ditingkatkan bagi tahun 2017. Seterusnya membantu meningkatkan pendapatan isi rumah melebihi RM4,000.00 dengan kadar 37.0% bagi tahun 2017 (Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, 2019). Melalui program pembangunan keusahawanan ini juga status ekonomi komuniti turut dapat ditingkatkan.

Kenyataan ini juga dipersetujui oleh majoriti responden (min: 2.8 jumlah min: 3.0) komuniti di Pantai Senok iaitu 77% menyatakan 'keusahawanan merupakan bidang kerja utama dalam komuniti'. Sementara, hampir keseluruhan responden (92%) bersetuju bahawa bidang keusahawanan boleh memberikan peluang pekerjaan kepada komuniti (Jadual 3. Persekitaran Pantai Senok sebagai kawasan pelancongan telah memberi peluang kepada sebahagian kecil (7.5%) responden ahli komuniti yang berniaga, khusus berniaga kedai makan dan menjual makanan berasaskan sumber laut (Jadual 2). Walaupun begitu, majoriti responden (94.5%) mengakui 'berniaga akan memberikan pendapatan yang lestari bagi komuniti' dan hampir keseluruhan responden (91.5%) bersetuju 'peluang berusaha adalah tinggi di sekitar Kampong Pantai Senok' (Jadual 4).

Jadual 4: Pembangunan keusahawanan sosial

Item	Tidak Setuju	Sederhana	Setuju	Jumlah
• Keusahawanan merupakan bidang kerja utama dalam komuniti.	8 (4.0%)	38 (19%)	154 (77.0%)	200 (100%)
• Saya percaya keusahawanan memberikan peluang pekerjaan komuniti.	1 (0.5%)	15 (7.5%)	184 (92.0%)	200 (100%)
• Minda inovasi ialah inti daripada keusahawanan.	1 (0.5%)	49 (24.5%)	150 (75.0%)	200 (100%)
• Peluang berusaha adalah tinggi di sekitar Kampung Pantai Senok.	2 (1.0%)	15 (7.5%)	183 (91.5%)	200 (100%)
• Berniaga akan memberikan pendapatan yang lestari bagi komuniti.	2 (1%)	9 (4.5%)	189 (94.5%)	200 (100%)
• Penciptaan nilai ekonomi/barangan yang bernilai adalah satu aspek penting dalam keusahawanan sosial.	2 (1.0%)	15 (7.5%)	183 (91.5%)	200 (100%)
• Institusi sosial harus memberi tumpuan kepada kepentingan sosial.	2 (1.0%)	20 (10%)	178 (89.0%)	200 (100%)
Min	2.81			

Sementara itu, hasil dapatan terhadap persepsi pembangunan ekonomi dalam kalangan komuniti Pantai Senok mendapati majoriti responden (89%) mengakui “aktiviti pembangunan memberikan peluang pekerjaan bagi komuniti”; 90% juga menyatakan “pembangunan memberikan tambahan penggunaan bagi komuniti”; 91% “aktiviti

pembangunan memberikan kesan positif kepada komuniti”. Hampir keseluruhan (86.5%) responden komuniti di Pantai Senok juga mengakui “pembangunan boleh menjadi faktor penting bagi aktiviti ekonomi/perniagaan komuniti”. Justeru majoriti (92%) bersetuju bahawa “pembangunan harus dilakukan secara aktif” di Pantai Senok (Jadual 5).

Jadual 5: Pembangunan ekonomi komuniti

Item	Tidak Setuju	Sederhana	Setuju	Jumlah
• Aktiviti pembangunan memberikan peluang pekerjaan bagi komuniti.	3 (1.5%)	19 (9.5%)	178 (89.0%)	200 (100%)
• Pembangunan memberikan tambahan penggunaan bagi komuniti.	3 (1.5%)	17 (8.5%)	180 (90.0%)	200 (100%)
• Aktiviti pembangunan memberikan kesan positif pada komuniti.	1 (0.5%)	17 (8.5%)	182 (91.0%)	200 (100%)
• Pembangunan boleh menjadi faktor penting bagi aktiviti ekonomi/perniagaan komuniti.	1 (0.5%)	26 (13%)	173 (86.5%)	200 (100%)
• Saya mendukung pelbagai sektor pembangunan yang dibuat oleh kerajaan.	2 (1.0%)	16 (8%)	182 (91.0%)	200 (100%)
• Saya percaya pembangunan harus secara aktif digalakkan di kawasan saya.	1 (0.5%)	15 (7.5%)	184 (92.0%)	200 (100%)
• Pembangunan sedia ada sesuai dengan harapan anda.	3 (1.5%)	13 (6.5%)	184 (92.0%)	200 (100%)
Min		2.89		

Kesejahteraan Hidup Komuniti

Dapatan kajian turut mendapati majoriti responden ahli komuniti di Pantai Senok berpuas hati dengan kesejahteraan hidup mereka (min: 2.8 dari daripada jumlah min: 3.0). Misalnya

85% berpuas hati dengan kehidupan diri mereka sekarang; 87.5% berpuas hati dengan kualiti hidup mereka sekarang; 88% pula berpuas hati dengan kesihatan mereka sekarang dan 89% berpuas hati dengan pencapaian mereka dalam kehidupan sekarang (Jadual 6).

Jadual 6: Kesejahteraan hidup komuniti

Item	Tidak Puas Hati	Sama Saja	Puas Hati	Jumlah
• Se jauh manakah anda berpuas hati dengan kehidupan diri anda secara keseluruhan sekarang?	14 (7.0%)	16 (8%)	170 (85.0%)	200 (100%)
• Se jauh manakah anda berpuas hati dengan kualiti hidup anda sekarang?	6 (3%)	19 (9.5%)	175 (87.5%)	200 (100%)
• Se jauh manakah anda berpuas hati dengan kesihatan hidup anda sekarang?	11 (5.5%)	13 (6.5%)	176 (88.0%)	200 (100%)
• Se jauh manakah anda berpuas hati dengan apa yang telah dicapai dalam hidup anda sekarang?	12 (6%)	10 (5%)	178 (89.0%)	200 (100%)
Min	2.82			

Proses pembangunan menjamin kesejahteraan hidup masyarakat di bandar mahupun luar bandar. Di Malaysia, pelbagai bentuk program pembangunan telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan di bawah Dasar Pembangunan Nasional (1991) iaitu sebuah dasar kesinambungan daripada Dasar Ekonomi Baru (1970 – 1990). Dasar ini dibentuk sebagai usaha mewujudkan satu corak pembangunan yang lebih seimbang (Rostam, Bakar & Abdullah, 2001). Kini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah dan sedang merancang beberapa program bagi memastikan kesejahteraan penduduk luar bandar misalnya Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK), Program Pemajuan Kawasan (PPK), Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Pintar Harapan, Program Bekalan Elektrik Luar Bandar, jalan perhubungan desa, desa lestari dan pelbagai program lagi yang memberi manfaat kepada masyarakat khususnya penduduk luar bandar (Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2020).

Pembangunan seimbang ini dilihat melalui pencapaian keadilan sosial dan ekonomi yang saksama antara komuniti dan etnik seterusnya memperkukuh perpaduan negara (Jabatan Penerangan Malaysia, 2001). Bagi mencapai objektif ini, pelbagai program pembangunan diperkenalkan antaranya ialah program pembasmian kemiskinan dalam kalangan masyarakat. Program ini tertumpu kepada usaha-usaha pembangunan pendidikan dan latihan, kesihatan, jalan-jalan luar bandar, pengangkutan, perumahan serta bekalan air dan elektrik (Jabatan Penerangan Malaysia, 2001).

Konsep kesejahteraan hidup merupakan satu proses dinamik yang memberikan nilai kepada manusia, namun secara tradisinya ia diukur melalui petunjuk ekonomi, iaitu tingkat pendapatan (Azizah, Jamal & Roslina, 2014). Manakala, Norizan (2003) menegaskan bahawa kesejahteraan hidup termasuk juga kualiti hidup yang subjektif kerana ia merupakan kemuncak kepada kepuasan dan kebaikan manusia.

Kesejahteraan sosial berlaku jika ada perubahan sosial dan budaya dari satu tahap

kepada satu tahap yang lebih baik. Perubahan sosiobudaya suatu komuniti melibatkan dua bentuk iaitu perubahan dari segi ukuran ekonomi dan perubahan dari segi ukuran sosial masyarakat. Masyarakat disusun menurut ukuran ekonomi seperti pekerjaan, pendapatan dan aset, manakala ukuran sosial pula meliputi pendidikan, politik, peranan penduduk dalam masyarakat dan gaya hidup mereka (Nor Hayati, 2014; Nor Hayati *et al.*, 2019).

Kesimpulan

Pembangunan kesejahteraan hidup komuniti pesisir pantai dalam kalangan penduduk Pantai Senok ditinjau dari aspek pembangunan pendidikan, keusahawanan sosial dan ekonomi penduduk setempat. Kelestarian kesejahteraan sosial dan ekonomi komuniti Pantai Senok bergantung kepada perancangan pembangunan secara bersepadu dalam aspek pendidikan, keusahawanan sosial dan ekonomi setempat. Umumnya, kajian menunjukkan komuniti di Pantai Senok ini mengakui kepentingan pendidikan dalam membangunkan individu dan ahli-ahli komuniti sebagai salah satu indikator utama mencapai kesejahteraan hidup yang lestari. Di samping itu, lokasi Pantai Senok yang menarik sebagai salah satu tumpuan kawasan pelancongan untuk beriadah telah menjadi pencetus kepada komuniti untuk terlibat dalam ekonomi dengan menjadi peniaga dan usahawan. Justeru, gabungan ketiga-tiga aspek ini berupaya untuk memacu komuniti mencapai kelestarian pembangunan dan kesejahteraan hidup secara berterusan dengan mengambil kira peranan kerajaan yang terus komited membantu meningkatkan keupayaan mereka.

Walaupun begitu, terdapat beberapa limitasi dalam kajian ini yang boleh diberi perhatian untuk kajian pada masa akan datang. Kajian ini memfokuskan kepada kelestarian pembangunan masyarakat pesisir pantai di Senok dengan melihat kepada tiga aspek iaitu pendidikan, keusahawanan dan ekonomi. Berdasarkan dapatan kajian, majoriti penduduk di Pantai Senok melihat bidang keusahawanan sebagai satu cabang dalam menambah baik

status sosioekonomi mereka. Oleh itu, kajian seterusnya boleh memberi tumpuan terhadap impak penglibatan penduduk pesisir pantai dalam aktiviti keusahawanan dan hubungannya dengan peningkatan status kualiti hidup mereka.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan Projek Penyelidikan Translational di bawah sub Projek “Transformasi Komuniti Terpinggir Pesisiran Pantai Senok” (Vot 53244). Penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial dan Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari (BioD Tropika), UMT.

Rujukan

- Abdul Halim, A. (2005). Masalah mengkonseptualisasi komuniti. Dlm. Abdul Halim Ali. (Pnyt.), *Borneo-kalimantan 2005: Transformasi sosial masyarakat pesisir borneo-kalimantan*. Prosiding Konferensi Antaruniversiti di Borneo-Kalimantan Ke-1. Kota Samarahan, Sarawak: Institut Pengajian Asia Timur Universiti Malaysia Sarawak.
- Abdul, M., Ismail, K., Mohamed, Z. A., & Mahajar, A. J. (2008). *Pembudayaan keusahawanan*.
- Abdul Rahman, E., Nor Hayati, S., & Azlina, A. (2019). *Penyelidikan Sains Sosial Malaysia PascaMerdeka*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizah, M. Y., Jamal, A., & Roslina, K. (2014). Kesejahteraan hidup subjektif: Pengaruh elemen ekonomi & bukan ekonomi. *Prosiding PERKEM ke-9 (2014)*, 719 – 727. ISSN: 2231-962X.
- Balwi, M. K. B. M. (2005). Pembangunan luar bandar di Malaysia: Gerakan Desa Wawasan (GDW) sebagai mekanisme pembangunan masyarakat luar bandar. *Sains Humanika*, 42(1).

- Buarque, C., Mohorčić Špolar, V. A., & Zhang, T. (2006). Introduction: Education and poverty reduction. *International Review of Education*, 52(3), 219-229.
- Dahlan, H. M., & Wan Hashim. (1979). *Communication in peasant community: Inroads & problems*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Embong, A. R. (2003). *Pembangunan & kesejahteraan: Agenda kemanusiaan abad ke-21*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. (2007). Meninjau kembali pembangunan komuniti dalam strategi pembangunan negara. Dlm. *Pembangunan negara, komuniti & insan melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.
- Faridi, M. Z., & Basit, A. B. (2011). Factors determining rural labour supply: A micro analysis. *Pakistan Economic & Social Review*, 91-108.
- Firth, R. (1966). *Malay fishermen: Their peasant economy*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Hafeez, A., & Ahmad, E. (2002). Factors determining the labour force participation decision of educated married women in a district of Punjab. *Pakistan Economic & Social Review*, 75-88.
- Halina Sendera, M. Y. (2005). Faktor-faktor pengaruh dalam transformasi sosiobudaya Palau' di Semporna, Sabah: Satu tinjauan awal dari perspektif agama dan komunikasi. Dlm. Abdul Halim Ali. (Pnyt.), *Borneo-kalimantan 2005: Transformasi sosial masyarakat pesisir borneo-kalimantan*. Prosiding Konferensi Antaruniversiti di Borneo-Kalimantan Ke-1. Kota Samarahan, Sarawak: Institut Pengajian Asia Timur Universiti Malaysia Sarawak.
- Ibrahim, A., Anuar, A., Kamaruddin, R., & Hassan, K. (2017). *Kelestarian penghidupan nelayan pesisir pantai di kawasan Kuala Kedah & Kuala Perlis* (pp. 167-177). Penang: Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar, 2017.
- Ibrahim Komo. (2019). *Memimpin kelestarian: Menghargai alam, mensejahtera manusia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ibrahim, M., & Nor Hayati, Sa'at. (2007). Budaya dan perubahan sosiobudaya komuniti. Dlm. Nik Fuad Nik Mohd Kamil, Mohd Shaladdin Muda & Muhammad Najit Sukemi (Pnyt.), *Ekspedisi komuniti nelayan Kuala Besut: Isu & perspektif penyelidikan*. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Ishak Shari. (1990). *Ekonomi nelayan: Pengumpulan modal, perubahan teknologi & pembezaan ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (1990). *Nelayan Melayu: Ekonomi tani mereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2001). *Dasar Pembangunan Nasional (DPN)*. <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/241-dasar-pembangunan-nasional->
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) 2020*. Retrieved 13 December 2021, from https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4Press_Statement/2021/11%20Nov/IKRM%202020.pdf
- Jurjonas, M., & Seekamp, E. (2018). Rural coastal community resilience: Assessing a framework in eastern North Carolina. *Ocean & Coastal Management*, 162, 137-150. doi: 10.1016/j.ocecoaman.2017.10.010
- Kementerian Luar Bandar & Wilayah. (2019). *Kerangka Keberhasilan Kementerian*. https://www.treasury.gov.my/pdfbajet/maklumat_bajet_kerajaan/2019/perbelanjaan/B.22_P.22.pdf

- Kementerian Pembangunan Luar bandar. (2019). *Dasar Pembangunan Luar Bandar: Ringkasan Eksekutif*. https://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2019/06/DPLB-2019-Ringkasan-Eksekutif_new.pdf
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar. (2020). *Perkhidmatan*. <https://www.rurallink.gov.my/jpkk-dan-jpkkp/#>
- Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- Mohd Yaakub, J., Chang Shui, K., & Mary, S. (1994). Strategi ke arah membangunkan komuniti nelayan. Dlm *Komuniti nelayan: Cabaran, harapan & masa depan* (pnyt.). Sabah: Institut Kajian Pembangunan (Sabah).
- Mokhzani, A. R. (2006). *Credit in a Malay peasant economy*. Kuala Lumpur: Arus Intelek & Faculty of Economics & Administration.
- Norfatiha Othman, Abdul Rahman Abdul Latip & Nor Hayati Sa'at. (2019). Perkembangan Juragan-Pengusaha dalam industri perikanan di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 4(1), 112-135.
- Nor Hanim Awang @ Mohd Nor, Norfatiha Othman & Nor hayati Sa'at. (2021). Pembentukan usahawan kraf tangan wanita di Malaysia: Peranan sikap, warisan keluarga dan pembudayaan nilai agama. *Kajian Malaysia*, 39(2), 153-178.
- Nor Hayati Sa'at. (2014). Pembangunan & transformasi sosioekonomi & sosiobudaya komuniti pesisir Kuala Terengganu. Dlm. Chin Yee Whah, Nor Hayati Sa'at & Sity Daud (Pnyt.), *Sains sosial dan pembangunan*. Kumpulan Rencana Penghormatan untuk Profesor Abdul Rahman Embong. Penerbit PSSM & IKMAS, UKM.
- Nor Hayati Sa'at., Ibrahim, M., & Wan Mohd Zaifurin, W. N. (2017). Pola perubahan sosiobudaya & mobiliti sosial dalam kalangan komuniti muara di Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Sociocultural change and social mobility among estuarial communities in the East Coast of Peninsular Malaysia). *Akademika*, 87(3).
- Nor Hayati Sa'at, Nazli Aziz & Siti Salina, Abdullah. (2019). *Komuniti pesisir pantai: Menangani pembangunan & perubahan*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Nor Hayati Sa'at., Siti Nazilah, M. A., & Rozita, M. N. (2019). Sosiobudaya, kualiti hidup & motivasi komuniti. Dlm Nor Hayati, S., Nur Azura, S., & Mohd Fikri, M. (2019). *Inovasi sosial komuniti nelayan Mersing*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Norizan, A. G. (2003). *Kualiti hidup penduduk pulau negeri Terengganu: Satu kajian di Pulau Redang & Pulau Perhentian* (PHD Tesis).
- Nur Azura, S., Mohd Fikri, M., & Nor Hayati, Sa'at. (2019). Kesimpulan: Strategi memperkasa komuniti nelayan Mersing melalui pendekatan inovasi sosial. Dlm Nor Hayati, S., Nur Azura, S., & Mohd Fikri, M. (Pnyt.), *Inovasi sosial komuniti nelayan Mersing*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Rashid, S. M. R. A. (2008). *Peluang dan cabaran pendidikan dalam kalangan masyarakat luar bandar: Satu kajian kes isi rumah Melayu miskin di Jajahan Bachok Kelantan*. Unpublished Masters Thesis), University Sains Malaysia, Malaysia.
- Roseliza, M. A., Zuraini, M. A., Nur Azura, S., & Nik Fuad, N. M. K. (2019). Sumber & aktiviti perikanan. Dlm Nor Hayati Sa'at., Nur Azura, S., & Mohd Fikri, M. (Pnyt.), *Inovasi sosial komuniti nelayan Mersing*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Rostam, K., Bakar, J. A., & Abdullah, M. A. (2001). Pengaruh letakan terhadap corak pembangunan & pembandaran desa:

- Beberapa bukti dari sekitar Dengkil & Triang, Malaysia. Prosiding Seminar Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan Ke-4, UKM, Bangi. https://www.researchgate.net/publication/305320490_pengaruh_letakan_terhadap_corak_pembangunan_dan_pembandaran_desa_beberapa_bukti_dari_sekitar_dengkil_dan_triang_malaysia
- Shamsul, A. B. (1986). *From British to Bumiputera Rule*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- SME Corp. Malaysia. (2019). *Mengenai Perbadanan Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia*. <http://www.smecorp.gov.my/index.php/my/mengenai-kami/2015-12-21-08-49-11/about-sme-corp-malaysia>
- Syed Husin Ali. (1964). *Social stratification in Kampong Bagan: A study of class, status, conflict & mobility in a rural malay community*. Singapore: Malaysia Printers Limited.
- Talib, A., Jusoh, H., Ibrahim, Y., & Ahmad, H. (2017). Penyertaan komuniti dalam bidang keusahawanan luar bandar (Community participation in rural entrepreneurship). *Geografia-Malaysian Journal of Society & Space*, 8(9).
- Ungku, A. A. (1987). *Jejak-jejak di Pantai Zaman*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaysia.
- Unhasuta, S., Sasaki, N., & Kim, S. M. (2021). Impacts of tourism development on coastal communities in Cha-am Beach, the Gulf of Thailand, through analysis of local perceptions. *Sustainability*, 13(8), 4423. <https://doi.org/10.3390/su13084423>
- Wahab, H. A., & Ah, S. H. A. B. (2017). Perkembangan pendekatan pembangunan komuniti luar bandar di Malaysia. *Sejarah: Journal of the Department of History*, 15(15).
- Wan Hashim, W. T. (1980). *Komuniti nelayan di Pulau Pangkor: Beberapa aspek ekonomi & sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Wong, D. (1987). *Peasants in the making: Malaysia's green revolution*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Yusoff, M., Talib, A., & Yusof, R. (2017). A study of quality of life of coastal Malay community in Kedah. *Journal of Advanced Research in Social & Behavioural Sciences*, 9(3), 21-35.
- Zurina, M., & Hukil, S. (2018). *Jejak pembangunan lestari di Malaysia. Masyarakat & nilai*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.